

Headline **Muafakat selesai isu perguruan**  
 Date **30. Jul 2008**  
 Media Title **Berita Harian**  
 Section **Nasional**  
 Circulation **217920**  
 Readership **2083000**

Language **MALAY**  
 Page No **24**  
 Article Size **388** cm2  
 Frequency **Daily**  
 Color **Full Color**  
 AdValue **6864.53**



# Muafakat selesai isu perguruan

Dua kementerian perlu atasi beberapa masalah tarik minat jadi pendidik

Oleh Syuhada Choo Abdullah dan Nurul Hazrah Md Saf'aa  
 bhnews@bharian.com.my

**S**ERDANG: Kementerian Pelajaran perlu bermuafakat dengan Kementerian Pengajian Tinggi bagi menyelesaikan beberapa isu berkaitan profesion perguruan, khususnya berhubung diskriminasi penempatan graduan institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan institut pendidikan guru (IPG).

la berikutan graduan IPTA perlu melalui pelbagai prosedur Kementerian Pelajaran, termasuk syarat hanya mencapai purata nilai gred kumulatif (PNGK) 2.75 ke atas layak mengambil ujian dan ditemu duga menjadi guru, berbanding lepasan IPG yang ditempatkan terus ke sekolah.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata masalah itu mengakibatkan kemerosotan minat bakal pemohon dan pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di IPTA untuk menjadi guru.

Apatah lagi, beliau berkata, Kementerian Pelajaran menetapkan syarat pelajar yang mendapat PNGK bawah 2.75 tidak layak atau sesuai menjadi guru sedangkan mereka memenuhi syarat sebagai graduan IPTA.

"Pada masa sama, calon guru lepasan IPTA masih dikehendaki menduduki Inventori Sahsiah Keguruan (Insak) dan temu duga wa-

laupun sudah melepasi syarat kelayakan kemasukan seperti ditetapkan melalui ujian Inventori Pemilihan Pendidik Malaysia (MEdSI) serta temu duga khas.

"Kementerian Pengajian Tinggi, khususnya pensyarah IPTA berasakan proses pemilihan guru ini seolah-olah menafikan pendidikan dan latihan diberi mereka yang berpengalaman di Fakulti Pendidikan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Program Jaringan Sekolah Kluster-Universiti pada Seminar Permuafakatan Kementerian Pengajian Tinggi bersama Kementerian Pelajaran 2008 di Universiti Putra Malaysia di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalannya, Datuk Idris Haron. Hadir sama, Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Wee Ka Siong, mewakili Menteri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Selain itu, Mohamed Khaled berkata, dua kementerian terbabit juga perlu melihat semula isu ketidakseragaman dalam syarat asas kemasukan dan pembiayaan antara pelajar yang mengikuti ISMP di IPG dan IPTA.

Beliau berkata, satu lagi isu yang belum selesai ialah berkaitan kurikulum program perguruan dengan mengambil kira perlunya penguasaan subjek dan atribut ikhtisas yang hanya boleh dicapai melalui program ISMP,



TELITI: Idris (kanan) dan Wee meneliti sijil Program Jaringan Sekolah-Sekolah Kluster Kementerian Pelajaran dengan Universiti-universiti Kementerian Pengajian Tinggi pada majlis pelancarannya di UPM, Serdang, semalam.

maka program ad hoc seperti Diploma Pendidikan semata-mata adalah tidak mencukupi walaupun dalam usaha mengatasi masalah kekurangan guru.

"Begitu juga isu melibatkan wakil Fakulti Pendidikan IPTA secara langsung dalam penentuan unjuran keperluan guru sekolah menengah. Ia kerana pada tahun sebelum ini, data pengiraan unjuran pengambilan pelajar

**FAKTA NOMBOR**

**2.75**

**PNGK**

Ke atas layak ambil ujian dan ditemu duga menjadi guru bagi graduan IPTA

kurang jelas, tidak meliputi keperluan guru untuk sekolah swasta serta tidak mengambil kira jumlah pelajar tidak memenuhi standard kualiti ditetapkan," katanya.

Sementara itu, Wee pada sidang media selepas majlis pula berkata, semua isu berkenaan akan diteliti dan ditangani melalui permuafakatan jawatankuasa teknikal bersama kedua-dua kementerian terbabit.